

'Keterbukaan PM usah diuji'

BH 17/12/2006

Pemuda Umno tak berdiam diri jika ada pihak mainkan sensitiviti perkauman

Oleh Anwar Hussin

KUALA LUMPUR: Pemuda Umno memberi ingatan kepada semua pihak supaya tidak mengambil kesempatan terhadap dasar keterbukaan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sehingga melampaui batasan.

Naib Ketuanya, Khairy Jamaluddin, berkata usaha murni kerajaan yang mengamalkan keterbukaan dengan memberi peluang kepada rakyat bersuara tidak harus dirosakkan dengan tindakan yang melampau.

Beliau berkata, kerajaan pasti tidak akan berdiam diri terhadap pihak yang memainkan sensitiviti kaum serta tidak menghormati undang-undang kerana tindakan tegas boleh dikenakan terhadap mereka.

"Saya harap mereka tidak menguji

“Kebebasan yang ada kini jika terus disalah guna mungkin menyebabkan kerajaan akan berkata cukup setakat itu (kebebasan)”

Khairy Jamaluddin
Naib Ketua Pemuda Umno

sehingga melampaui batasan kerana jika ada tindakan begitu, Pemuda Umno akan memberi sokongan kepada kerajaan untuk bertindak tegas terhadap mereka.

"Ini demi mempertahankan kebebasan yang positif," katanya pada sidang media selepas merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Pemuda Parti Progresif Penduduk (PPP) di sini semalam.

Namun, Khairy berkata, jika tindakan tegas dikenakan terhadap pihak terbabit, ia bukan bermakna kerajaan menghalang kebebasan tetapi untuk kepentingan majoriti rakyat, kebebasan dan kestabilan.

"Kebebasan yang ada kini jika terus disalah guna mungkin menyebabkan kerajaan akan berkata cukup setakat itu (kebebasan) dan kita akan kembali kepada zaman yang kurang bebas sebelum ini," katanya yang juga Timbalan Pengerusi Pemuda Barisan Nasional (BN).

Beliau juga berkata, setakat ini kerajaan dapat menyelesaikan pelbagai isu yang timbul dengan pendekatan yang penuh kebijaksanaan dan berhemah.

Dalam ucapannya, Khairy menyifatkan 2006 adalah tahun yang penuh cabaran untuk BN kerana banyak isu perkauman dan agama yang ditimbulkan.

Katanya, antaranya adalah penerbitan Suruhanjaya Antara Agama (IFC), memorandum yang dihantar menteri bukan Islam kepada Perdana Menteri, kajian Asli berhubung ekuiti Bumiputera, polemik Melayu di Pulau Pinang dan isu ucapan per-

wakilan pada Perhimpunan Agung Umno.

Bagaimanapun, katanya, semua isu dapat diselesaikan dengan kebijaksanaan Perdana Menteri yang melakukannya secara berhemah.

Sementara itu, Ketua Pemuda PPP, T Murugiah, memohon kerajaan mengagihkan lebih banyak kerusi ke-

pada parti itu pada pilihan raya akan datang.

Beliau mendakwa PPP 'di anak tiri' walaupun parti itu sebenarnya kuat dan mantap dengan keahlian melebihi 500,000.

"Perdana Menteri juga perlu melantik Presiden PPP, M Kayves sebagai menteri penuh bagi membalas

jasanya yang bekerja keras untuk menghidupkan kembali PPP," katanya.

Murugiah juga menyentuh isu ceti haram dengan mencadangkan kerajaan mewujudkan jawatan kuasa khas Kabinet untuk memantau ceti haram dan seterusnya menghapuskannya.